



## Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu

Zainur Rijal B. Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali

zrijalrazak@gmail.com, macademe@hotmail.com

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

---

### Abstrak

Lazimnya orang Melayu sebagai bukan penutur jati bahasa Arab, mempelajari dan memahami bahasa Arab melalui kaedah menterjemah ke dalam bahasa ibunda serta membandingkan ciri-ciri antara kedua-dua bahasa. Oleh yang demikian, bagi menjadikan penterjemahan itu betul dan menepati maksud sebenar, penguasaan dalam kedua-dua bahasa amat penting. Antara aspek yang mesti dikuasai dengan baik ialah pengetahuan berkaitan ciri-ciri persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua bahasa. Didapati bahawa antara punca kelemahan para pelajar dalam bahasa Arab khususnya tajuk kata kerja berimbuhan adalah kegagalan mereka mengenal pasti aspek persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam tajuk ini. Justeru, artikel ini cuba meneliti tajuk kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab dan Melayu dengan menumpukan kepada aspek perbezaan sama ada dari segi fizikal pengimbuhan itu sendiri mahupun aspek maksud pengimbuhan. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara di antara keduanya iaitu penggunaan pola-pola tertentu di dalam bahasa Arab yang tidak terdapat di dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: Kata kerja berimbuhan, bahasa Arab, Bahasa Melayu, perbezaan

### Abstract

*It is a common practice for Malays as non-Arabic speakers to learn and comprehend Arabic by translating them into Malay first and comparing language features between both languages. Therefore, in order to make accurate translation, the mastery of both languages is very important. One of the crucial aspects that the second language learners have to master is the similar and different features between the two languages. It has been proved that one of the factors that lead to the weaknesses among Arabic learners particularly in verb with suffixes and prefixes is their failure to find out the similarities and differences between both languages. Therefore, this article examines the verb with suffixes and prefixes in both languages with the mass concentration on the aspect of differences either in terms of their physical verb patterns after adding or their meanings. The findings of the study proved there are significant differences between them, the use of specific patterns in the Arabic language that is not found in the Malay language.*

*Keywords: Verb with prefixes and affixes, Arabic language, Malay language, Differences*

---

### 1. Pengenalan

Bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah dua rumpun bahasa yang berbeza. Hal ini kerana, kedua-dua bahasa tersebut bukanlah pecahan dari mana-mana bahasa asal yang sama. Bahasa Arab secara umumnya merupakan pecahan dari bahasa *Samiah* yang berakar umbi di tanah Arab. Sementara bahasa Melayu berasal dari keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim et al, 1994). Atas dasar inilah wujudnya perbezaan yang jelas antara kedua-dua bahasa tersebut. Namun, oleh kerana semua manusia mempunyai sistem pertuturan yang sama dan ciri-ciri bahasa yang tersusun, maka sifat-sifat bahasa yang dipertuturkan oleh manusia itu sedikit sebanyak mempunyai persamaan. Tambahan pula ciptaan manusia itu adalah sama dari segi fizikal, mental atau fitrahnya.

Walaupun begitu, bahasa Melayu dan Arab pada asalnya mempunyai ciri yang amat berbeza kerana perbezaan keluarga bahasa dan rumpun (Azman Che Mat et al, 2010). Dari aspek sejarahnya, bahasa Melayu pada peringkat awal menerima banyak pengaruh dari bahasa Sanskrit sebelum ketibaan bahasa Arab bersama pengaruh agama Islam (Ibtisam Abdullah et al, 2011). Hakikat bahawa majoriti bangsa Melayu khususnya di Malaysia memeluk agama Islam semenjak beratus tahun yang lalu, bahasa Melayu dengan mudah menerima pengaruh dari bahasa Arab terutama daripada aspek istilah dan perkataan.

Situasi ini menjadikan orang Melayu sentiasa berminat untuk mempelajari bahasa Arab tanpa mengira peringkat umur bertujuan mendalami pemahaman terhadap agama Islam. Pengajian bahasa Arab yang pada awalnya diajar secara tidak formal telah berkembang menjadi lebih sistematik dan tersusun sehingga ke hari ini (Abdullah Ishak, 1995).

Bagi masyarakat Melayu di Malaysia, kajian berkaitan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu amat relevan untuk dilaksanakan. Hal ini kerana rata-rata masyarakat Melayu di negara ini beragama Islam dan bahasa Arab merupakan bahasa rasmi atau bahasa pengantar bagi agama Islam seperti yang dinyatakan sebelum ini (Zainur Rijal & Rosni, 2007).

Namun, dewasa ini didapati berlaku kelemahan yang nyata khususnya dalam kalangan pelajar Melayu di Malaysia dalam mempelajari bahasa Arab (Mohamad Ziyad & Izuddin, 2012). Antara sebab kelemahan ini adalah ketidakmampuan mereka untuk mengenal pasti ciri persamaan dan perbezaan dalam bahasa yang hendak mereka pelajari iaitu bahasa Arab dengan bahasa pertama iaitu bahasa Melayu. Didapati bahawa antara tajuk-tajuk yang menjadi masalah utama kepada mereka ialah kata kerja berimbuhan (Muhamad Fahmi, 2012). Penulis berpendapat bahawa kesilapan para pelajar masa kini ialah mereka menterjemah secara terus pengimbuhan-pengimbuhan yang terdapat dalam bahasa Arab tanpa mengambil kira perbezaan yang wujud antara keduanya. Ringkasnya, artikel ini cuba untuk memberikan gambaran jelas tentang perbezaan yang wujud dalam tajuk kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

## **2. Kajian Lepas**

Kajian perbandingan dalam aspek morfologi dan sintaksis di antara bahasa Arab dan Melayu telah banyak dilakukan di alam Melayu. Ia banyak memberi manfaat khususnya kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Menurut pendapat (Azman Che Mat et al, 2009), usaha membandingkan aspek-aspek tertentu dalam bahasa banyak memberi maklumat kepada pelajar berkaitan persamaan dan perbezaan antara dua bahasa yang berbeza. Ia seterusnya dapat membantu pelajar memahami ciri-ciri khusus dalam bahasa kedua yang dipelajari (Baharuddin, 2012). Selain daripada itu, ia dapat mengelakkan pelajar dari terpengaruh dengan bahasa ibunda semasa pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Henry Guntur (1988) yang menyatakan “kebanyakkan kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar ketika mempelajari bahasa kedua adalah berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda”.

Pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu sudah lama berlangsung di Malaysia semenjak sebelum merdeka lagi. Ia bermula dengan kedatangan agama Islam ke tanah Melayu melalui pedagang-pedagang Arab (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Justeru, dengan membandingkan ciri-ciri bahasa antara bahasa sasaran (bahasa Arab) dengan bahasa Melayu dapat mempercepatkan lagi proses pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, mereka mampu memahami ciri persamaan dan perbezaan antara kedua bahasa lalu mampu mempraktikkannya dengan tepat.

Antara aspek yang menjadi kesukaran para pelajar di Malaysia dalam mempelajari bahasa Arab adalah aspek kata kerja berimbuhan (Muhamad Fahmi, 2012). Hal ini kerana setiap kata kerja berimbuhan mempunyai polanya yang berbeza dan setiap pola pula mempunyai makna yang khusus (Umami Syarah, 2004).

Antara kajian perbandingan dalam aspek kata kerja berimbuhan di dalam bahasa Arab dan Melayu yang pernah dilakukan adalah kajian yang telah dijalankan oleh Faridah Rahman (1999). Beliau mendapati terdapat beberapa persamaan dari segi makna, bentuk dan fungsi dalam bahasa Arab dan Melayu. Walaupun sudah terdapat kajian seumpamanya, artikel ini lebih menumpukan kepada aspek perbezaan antara kedua bahasa. Hal ini bertujuan mengukuhkan kenyataan bahawa pelajar perlu mengelakkan pengaruh bahasa ibunda semasa mempelajari bahasa kedua khususnya bahasa Arab.

## 2. Metodologi

Pendekatan yang dinyatakan oleh Azman Che Mat et al (2009) dan Baharuddin (2012) sebelum ini telah menjadi titik tolak kepada penulisan artikel ini. Mereka menyatakan bahawa kajian yang membandingkan aspek-aspek tertentu antara dua bahasa dapat mendedahkan ciri persamaan dan perbezaan dan seterusnya membantu pelajar memahami ciri-ciri khusus dalam bahasa kedua yang dipelajari. Atas dasar ini, artikel ini cuba menumpukan kepada usaha menjelaskan aspek-aspek perbezaan di antara imbuhan-imbuhan yang terdapat dalam kata kerja antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Perbincangan kertas ini melibatkan perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua bahasa tersebut sama ada dari aspek fizikal yang melibatkan penambahan dan penyisihan imbuhan atau dari aspek makna yang melibatkan perubahan maksud apabila sesuatu imbuhan itu ditambah atau disisih.

## 4. Analisis dan Perbincangan

Sebelum artikel ini menjurus kepada perbincangan lebih mendalam, adalah penting untuk diterangkan terlebih dahulu ciri-ciri am yang terdapat dalam kedua-dua bahasa bagi memberi gambaran awal tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu secara umum.

### Ciri-ciri Am Dalam Bahasa Arab

Antara ciri-ciri bahasa Arab ialah:

#### *al-I'rab*

Ia membawa maksud perubahan pada akhir perkataan, sama ada secara lafaz atau *taqdir*, akibat perubahan tugas (atau keadaannya) dalam sesuatu ayat dari sudut tatabahasa (Imil Ya'kub: 1986). Bahasa Arab pada hakikatnya terpelihara dengan adanya ciri *al-I'rab* ini yang berperanan menjadi petunjuk kepada makna berbeza yang terkandung dalam kata nama seperti makna pelaku, objek dan sebagainya.

#### Gender

Antara gender dalam bahasa Arab ialah yang terdiri daripada gender maskulin dan feminin yang semulajadi, seperti: المدرسة (*sekolah*) dan المدرس (*guru*) dan bukan semulajadi seperti: مكتب (*meja*) dan فاكهة (*buah*).

#### Bilangan

Dari segi bilangan, perkataan dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga, iaitu: tunggal, duaan dan jamak. Jamak pula terbahagi kepada tiga, iaitu *jama' al-muzakkar*, *jama' muannas* dan *jama' taksir* (Mustafa Ghallayini, 1987)

#### Masa

Masa dalam bahasa Arab berkaitan dengan kata kerja. Ia terbahagi kepada tiga, iaitu kata kerja lalu seperti: جلس (*telah duduk*), kata kerja kini, seperti: يجلس (*sedang duduk*) dan kata kerja imperatif, seperti: اجلس (*duduk*).

#### Keserasian

Ciri keserasian dalam bahasa Arab amat penting, sama ada dari aspek gender, bilangan, kata nama am atau khas atau *I'rab*. Apabila tidak wujud keserasian dari sudut ini akan menyebabkan kesalahan pada sesuatu ayat itu (Wan Moharani Mohammad, 2003).

### Ciri-Ciri Am Dalam Bahasa Melayu

Antara ciri-ciri bahasa Melayu:

#### Tertib

Bermaksud urutan perkataan atau susunan dalam sesuatu ayat. Ada susunan yang ketat dan ada susunan yang longgar dan dapat diubah-ubah (Abdullah Hassan, 1983). Susunan ketat ialah susunan perkataan yang tidak boleh diubah dari sudut tertibnya dalam satu ayat, manakala longgar pula ialah sebaliknya. Contoh susunan ketat ialah: Ali membeli buku. Manakala contoh susunan longgar ialah: Ali berada di sekolah.

### Gender

Gender dalam bahasa Melayu hanya tertumpu kepada gender semula jadi sahaja. Ia terbahagi kepada dua iaitu maskulin dan feminin, contohnya: ayah dan ibu.

### Bilangan

Kata nama dalam bahasa Melayu hanya terbahagi kepada dua sahaja iaitu: kata tunggal dan kata jamak. Bagaimanapun, perbezaan kata nama dari sudut bilangan ini tidak menyebabkan perubahan bentuk pada kata nama sebaliknya sama ada didatangkan jumlah bilangan atau menggandakan kata nama itu (Wan Moharani Mohammad, 2003) Contoh jumlah bilangan ialah: tiga ekor ayam, dan contoh gandaan ialah: budak-budak.

### Masa

Unsur masa tidak dijelaskan secara langsung dalam kata kerja, tetapi ditunjukkan dengan bantuan perkataan lain yang menjelaskan masa yang dinamakan kata bantu aspek (Nik Safiah Karim et al, 1994). Contohnya, sedang, belum dan telah.

### Penggandaan

Maksud penggandaan di sini ialah pengulangan perkataan sama ada dalam bentuk penggandaan penuh, seperti: mata-mata, penggandaan separa, seperti: langit dan penggandaan berentak bebas seperti: nenek moyang (Mohd Yunus & Zaitul Azma, 2010).

## **Kepentingan Memahami Maksud Imbuan**

Kedua-dua bahasa Arab dan Melayu mempunyai imbuhannya yang tersendiri. Semua imbuan-ibuan ini membawa makna yang tertentu. Seperti yang telah diterangkan, walaupun bahasa-bahasa di dunia hanya dipertuturkan oleh makhluk bergelar manusia yang mempunyai persamaan dari segi fizikal, khususnya organ pertuturan, namun sudah pasti terdapat ciri-ciri perbezaan dari aspek tatabahasa, struktur ayat, sebutan dan sebagainya termasuklah juga aspek imbuan.

Justeru, usaha memahami kaedah penambahan imbuan dalam sesuatu bahasa amat penting kerana ia mampu membantu kita menyampaikan maksud dengan tepat. Selain daripada itu, pengetahuan berkaitan tajuk ini juga membantu kita khususnya orang Melayu dalam memahami bahasa Arab kerana lazimnya kita memahami bahasa ini dengan cara menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu (Azman Che Mat et al, 2010). Dalam proses penterjemahan ini, ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa ini perlu dikuasai terlebih dahulu. Hal ini kerana, kesilapan dalam pemahaman maksud setiap imbuan dalam bahasa Arab akan mengakibatkan berlakunya salah faham dan silap penafsiran.

## **Pengertian Imbuan**

Menurut Faridah Rahman (1998), pengimbuhan atau imbuan adalah salah satu proses pembentukan perkataan daripada kata dasar. Ia merupakan sejenis morfem terikat yang diimbuhkan kepada kata dasar melalui proses pengimbuhan (Fazal Mohamed et al, 2010). Justeru, pengimbuhan menjadi salah satu proses utama dalam perkembangan leksikon bahasa (Imran Ho-Abdullah, 2011).

Manakala Muhammad Abdul Khaliq Udhamah (1999) pula menyatakan maksud pengimbuhan ialah sesuatu penambahan kepada huruf-huruf asal perkataan dan berkemungkinan untuk gugur semula sama ada secara jelas atau sebaliknya yang bukan disebabkan oleh *illah tasrifiyah*. Raminah (1985) menganggap pengimbuhan sebagai satu proses membentuk perkataan dengan cara mengimbuhan sesuatu perkataan dengan imbuan-imbuan tertentu supaya dengan demikian akan timbullah satu perkataan yang membawa konsep yang baru, contohnya perkataan [terguna], [digunakan], [penggunaan], [menggunakan], [gunakan] dan lain-lain. Dalam contoh di atas imbuan-imbuan yang digunakan ialah imbuan awalan /ter/, imbuan apitan /di-...-kan/, /peng-...-an/ dan /me-...-an/ serta imbuan akhiran /-an/.

## Perbezaan Imbuhan Antara Kata Kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu

### Imbuhan Dalam Kata Kerja Bahasa Arab

Seperti bahasa-bahasa lain, bahasa Arab juga memiliki imbuhan-imbuhan dan kaedah-kaedah tertentu. Imbuhan adalah satu elemen penting dalam semua bahasa kerana ia membolehkan sesuatu bahasa itu berkembang dan menerima perubahan mengikut keperluan dan kesesuaian masa.

Dalam bahasa Arab, tajuk imbuhan dalam kata kerja adalah luas dan banyak pecahannya (Azhari Muhamed Ali, 2000). Ia juga mempunyai kaedah-kaedah yang perlu didalami dan difahami dengan baik. Kefahaman yang cetek dalam aspek ini akan mengundang masalah yang lebih besar dalam penggunaan bahasa Arab seharian, kerana ia sering digunakan dalam pelbagai situasi dan ketika. Maksud sesuatu kata kerja dari kata dasar yang sama akan berubah apabila berlaku pertambahan imbuhan. Bahkan dalam sesetengah keadaan, maksud sesuatu kata kerja yang berimbuhan mungkin berlainan sama sekali dengan maksud asal yang dibawa oleh kata dasarnya.

### Huruf-Huruf Imbuhan Dalam Bahasa Arab

Terdapat lebih kurang 28 huruf yang disebut sebagai *huruf hijaiyyah* di dalam bahasa Arab. Bukan semua huruf dalam bahasa Arab boleh dijadikan imbuhan. Sebaliknya para sarjana Arab telah menggariskan 10 huruf sahaja iaitu: الألف، الهاء، الياء، النون، الواو، الميم، التاء، اللام، الهمزة، السين، الهمزة. Huruf-huruf ini sama ada secara sendirian atau bergabung sesama sendiri untuk membentuk imbuhan (Ibn Nazim, 2000). Bagi kata kerja, antara huruf yang boleh menjadi imbuhan secara sendirian ialah الألف dan الهمزة. Manakala huruf-huruf yang perlu bergabung untuk membentuk morfem imbuhan ialah اللام، السين، التاء، النون. Adakalanya huruf الألف juga bergabung dengan mana-mana huruf yang lain untuk membentuk morfem imbuhan.

Bagi memudahkan proses mengingat huruf-huruf ini, para sarjana bahasa menggabungkannya kepada beberapa perkataan yang mempunyai maksud tertentu seperti سألتمونيها (Ibn Nazim, 2000) yang membawa maksud "kamu semua akan bertanya daku tentangnya". Ada dalam kalangan mereka yang menggabungkannya menjadi أمان وتسهيّل yang membawa maksud "pada hari ini engkau melupainya" dan juga أمان وتسهيّل (Ibn Asfour, 1979) yang membawa maksud "keamanan dan kemudahan".

Hakikatnya, semua singkatan-singkatan ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan ilmu morfologi Arab mahupun tajuk kata kerja ini. Ia sekadar singkatan untuk memudahkan proses mengingat huruf-huruf imbuhan. Ini adalah berdasarkan teori *mnemonic* yang mencadangkan penggabungan sama ada huruf-huruf, huruf di awal perkataan, kata-kata popular atau visualisasi menjadi perkataan yang mempunyai makna bagi memudahkan proses mengingat (Imran Jafar, 2000). Perlu juga dinyatakan bahawa tidak semestinya setiap huruf ini apabila wujud dalam sesuatu kata kerja menjadi huruf imbuhan. Hal ini kerana imbuhan-imbuhan ini hanya hadir pada tempat-tempat tertentu mengikut pola-pola tertentu.

### Pola-Pola Kata Kerja Berimbuhan Dalam Bahasa Arab

Terdapat dua jenis kata dasar dalam kata kerja bahasa Arab iaitu kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dan kata kerja *ruba<sup>c</sup>iyy* (*empat huruf*). Secara asasnya, pembahagian kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab dibahagikan berdasarkan kepada bilangan huruf pada kata akarnya. Menurut sebahagian besar sarjana bahasa, terdapat 12 pola bagi kata kerja berimbuhan bagi kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dan tiga bagi kata kerja *ruba<sup>c</sup>iyy* (*empat huruf*) (Ibn <sup>c</sup>Aqil, 1998). Kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) terbahagi kepada tiga kumpulan yang lebih kecil manakala kata kerja *ruba<sup>c</sup>iyy* (*empat huruf*) pula terbahagi kepada dua kumpulan.

1. Kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dengan penambahan satu huruf terbahagi kepada tiga pola iaitu أَفَعَلَ، فَاعَلَ dan فَعَلَ.
2. Kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dengan penambahan dua huruf terbahagi kepada lima pola iaitu اِنْفَعَلَ، اِنْفَعَلَ، اِنْفَعَلَ، اِنْفَعَلَ dan تَفَعَّلَ.
3. Kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dengan penambahan tiga huruf terbahagi kepada empat pola iaitu اِسْتَفَعَلَ، اِفْعُوْا، اِفْعُوْا dan اِفْعُوْا.
4. Kata kerja *ruba<sup>c</sup>iyy* (*empat huruf*) dengan penambahan satu huruf. Hanya terdapat satu pola sahaja bagi kategori ini iaitu تَفَعَّلَ.
5. Kata kerja *ruba<sup>c</sup>iyy* (*empat huruf*) dengan penambahan dua huruf terbahagi kepada dua pola iaitu اِفْعَلَّ dan اِفْعَلَّ (Ibn <sup>c</sup>Aqil, 1998).

## Bentuk-Bentuk Imbuan Dalam Bahasa Arab

Kata kerja berimbuan dalam bahasa Arab dari segi bentuk penambahan terbahagi kepada enam bahagian. Maksud bentuk di sini ialah tempat penambahan imbuan dalam sesuatu kata kerja. Bentuk-bentuk imbuan itu ialah:

### 1. السوابق (*imbuan pangkal*)

Ia bermaksud imbuan yang ditambah di pangkal kata kerja contohnya ialah morfem (أ) pada kata kerja (أفعل). Terdapat tiga pola di dalam kata kerja bahasa Arab yang mempunyai imbuan السوابق iaitu أفعل, أفعل dan أفعل bagi kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dan satu untuk kata kerja *rubaiyy* (*empat huruf*) iaitu أفعل.

### 2. الحشو (*imbuan tengah*)

Ia bermaksud imbuan yang ditambah di tengah kata kerja contohnya ialah morfem *Shaddah* (ّ) pada kata kerja (فعل). Dalam kata kerja bahasa Arab ini terdapat dua pola yang mempunyai imbuan الحشو (*imbuan tengah*) iaitu فاعل dan فاعل.

### 3. اللواحق (*imbuan akhir*)

Ia bermaksud imbuan yang terdapat di akhir kata kerja selepas huruf terakhir kata kerja dasar. Contohnya ialah morfem (ا) pada kata kerja فتحا (*mereka berdua telah membuka*) yang membawa maksud duaan (Faridah Rahman: 1998).

### 4. السوابق والحشو (*imbuan pangkal dan tengah*)

Ia adalah gabungan antara dua bentuk imbuan yang terdapat di awal dan di tengah dalam satu kata kerja secara serentak. Contoh imbuan jenis ini ialah huruf (ت) di awal dan (ا) di tengah pada kata kerja تساءل. Terdapat lima pola yang mempunyai imbuan ini iaitu افعل, افعل, افعل, افعل dan افعل.

### 5. السوابق واللواحق (*imbuan pangkal dan akhir*)

Iaitu imbuan yang terdapat di pangkal dan di akhir kata kerja contohnya ialah huruf (ا) di awal dan huruf (ل) di akhir pada kata kerja اصفر. Hanya terdapat satu pola yang mempunyai imbuan السوابق واللواحق (*imbuan pangkal dan akhir*) dalam kata kerja bahasa Arab iaitu افعل bagi kata kerja *thulasiyy* (*tiga huruf*) dan satu pola bagi kata kerja *rubaiyy* (*empat huruf*) iaitu افعل.

### 6. السوابق والحشو واللواحق (*imbuan pangkal, tengah dan akhir*)

Imbuan ini menggabungkan semua bentuk imbuan dalam satu kata kerja iaitu imbuan pangkal, tengah dan akhir. Contoh imbuan seperti ini ialah ازهار dari pola افعل dan اذخر منجم dari افعل (Faridah Rahman, 1998).

## Maksud Pola-pola Kata Kerja Berimbuan Dalam Bahasa Arab

Kata Kerja berimbuan dalam bahasa Arab dari segi makna imbuan terbahagi kepada dua kumpulan besar, iaitu makna umum dan makna khusus. Makna umum ialah makna yang sering dibawa oleh sesuatu pola itu atau dibawa oleh lebih dari satu pola. Manakala makna khusus pula ialah makna yang hanya dibawa oleh pola tertentu sahaja.

### *Makna Umum*

Kata Kerja berimbuan dari segi makna umum boleh dibahagikan kepada empat bahagian:

Bil	Makna	Contoh	Terjemahan
1	التعدية ( <i>pentransitifan</i> )	أخرج التلميذ كتابه من الحقيبة	Murid itu telah <i>mengeluarkan</i> bukunya dari beg.
2	المشاركة ( <i>penyalingan</i> )	صَارَ بَنِي فَضْرِبَتِهِ	dia telah <i>memukulku</i> , maka aku pun <i>memukulnya</i> .
3	المبالغة ( <i>melebihi atau melampau</i> )	كَسَّرْتُ عِظَامَهُ	saya telah <i>mematahkan</i> tulangnya <i>berulang kali</i> .
4	مطوعة ( <i>menerima kesan dari perbuatan sebelumnya</i> )	انقسم البحث إلى أبواب	Kajian ini <i>terbahagi</i> kepada beberapa bab.
5	الاصورورة ( <i>perubahan dari satu keadaan kepada keadaan lain</i> )	اسْتَوَقَّ الجمل	Anak unta itu sudah menjadi dewasa.
6	التكلف ( <i>Memaksa diri melakukan sesuatu atau menerima beban</i> )	اسْتَكْبَرَ الشيطان على الله	Syaitan bersikap takabbur terhadap Allah.

Jadual 1: Pola, makna dan contoh yang membawa makna umum

### Makna Khusus

Pada masa yang sama, sebahagian daripada pola yang telah dibincangkan membawa makna khusus. Antara pola-pola tersebut adalah:

Bil	Pola	Makna	Contoh	Terjemahan
1	أَفْعَلْ	Mengambil atau menghilangkan sesuatu	أَشْكَيْتُهُ	Saya telah <i>menghilangkan</i> perasaan syak dalam dirinya
2	فَعَلْ	Lokatif atau menuju ke sesuatu tempat	عَرَبْتُ	Saya telah <i>menuju</i> ke barat
3	فَاعَلْ	perbuatan yang berlaku secara berturut	تَابَعْتُ الصوم	Saya berpuasa secara berturut-turut
4	انْفَعَلْ	perbuatan yang dilakukan bersungguh-sungguh	انْطَلَقْتُ إلى القاهرة لمواصلة الدراسة	Saya telah bertolak ke Kaherah untuk menyambung pengajian.
5	اِفْتَعَلْ	perbuatan yang dilakukan bersungguh-sungguh	اِكْتَسَبَ فريد ربحا كبيرا من هذا العمل	Farid memperolehi hasil yang lumayan daripada pekerjaan itu
6	تَفَعَّلْ	(Memaksa diri sendiri melakukan sesuatu)	تَسَجَّعْتُ نَفْسِي	Saya telah <i>memberanikan</i> diri.
7	تَفَاعَلْ	Belaku secara beransur-ansur	تَرَايَدَ ماء النهر	Air sungai itu semakin melimpah.
8	اسْتَفْعَلْ	Meminta sesuatu	اسْتَعْفَرُ الله	Saya memohon keampunan daripada Allah.

Jadual 2: Pola, makna dan contoh kata kerja yang membawa makna khusus

### Pengertian Imbuhan Dalam Bahasa Melayu

Seperti di dalam bahasa Arab, perkataan-perkataan di dalam bahasa Melayu boleh dibentuk dan dikembangkan mengikut kesesuaian dan situasinya. Terdapat beberapa cara bagaimana sesuatu perkataan itu dapat dikembangkan iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. (Nik Safiah Karim et al, 1994) mentakrifkan imbuhan sebagai unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya.

Sementara Raminah (1985) mengandaikan pengimbuhan sebagai satu proses membentuk perkataan dengan cara mengimbuhan sesuatu perkataan dengan imbuhan-imbuhan tertentu supaya dengan demikian akan timbullah satu perkataan yang membawa konsep baru, contohnya perkataan [mendengar], [memperdengarkan], [didengari], [diperdengarkan] dan sebagainya. Dalam contoh di atas, imbuhan-imbuhan yang digunakan ialah imbuhan awalan /men-/; imbuhan apitan /di-...-i/; imbuhan apitan kompleks /memper-...-kan/, dan /diper-...-kan/.

Pengimbuhan adalah satu proses yang melibatkan satu kata dasar ditambah dengan imbuhan dan akan menyebabkan makna sesuatu kata dasar itu berubah dan membawa makna baru. Dalam contoh yang telah diberikan tadi jelas bahawa perkataan [dengar] adalah kata dasar manakala selebihnya adalah imbuhan.

### **Huruf-Huruf Imbuhan Dalam Kata Kerja Bahasa Melayu**

Maksud sebenar huruf-huruf imbuhan dalam perbincangan ini ialah morfem-morfem yang terdiri dari beberapa abjad dan ia membawa maksud tertentu. Dalam pembahagian morfem, terdapat 2 bentuk morfem iaitu: morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang dapat wujud bersendirian, contohnya morfem {bangun}. Sementara morfem terikat ialah morfem yang hanya wujud bersama morfem lain, contohnya imbuhan-imbuhan seperti {ber}, {pe-}, {-an} dan lain-lain. Morfem terikat ini tidak dapat wujud dengan sendiri tanpa bersambung dengan kata dasar. Umumnya morfem bebas terdiri daripada kata-kata mudah, iaitu perkataan yang tidak memerlukan imbuhan, misalnya {saya}, {rumah}, {meja}, {tangan}, {lari} dan sebagainya (Raminah, 1985).

Ringkasnya, morfem-morfem imbuhan yang terdapat di dalam bahasa Melayu hampir sama banyak bilangannya dengan bahasa Arab. Terdapat lebih kurang 12 morfem imbuhan dalam kata kerja bahasa Melayu iaitu: {men-}, contohnya: [mendengar]; {ber-}, contohnya: [bersatu]; {ter-}, contohnya: [terkejut]; {per-}, contohnya: [perbesarkan]; {-kan}, contohnya: [menggalkan]; {-i}, contohnya: [mencintai]; {-an}, contohnya: {berkerlipan}; {di-}, contohnya: [dimakan]; {me-}, contohnya: [mereka]; {-er-}, contohnya: [kerusut]; {-el-}, contohnya: [jelajah]; dan {-em-}, contohnya: [gemuruh] (Faridah Rahman, 1998).

Kesimpulannya, huruf-huruf imbuhan di dalam bahasa Melayu adalah sama seperti di dalam bahasa Arab di mana ia terdiri daripada beberapa huruf yang membentuk morfem dan membawa makna tertentu.

### **Bentuk-bentuk Imbuhan Dalam Kata Kerja Bahasa Melayu**

Seperti bahasa Arab, terdapat bentuk-bentuk tertentu dari segi kedudukan imbuhan di dalam kata kerja bahasa Melayu. Secara keseluruhannya ia tidak banyak berbeza dengan bentuk imbuhan dalam bahasa Arab. Pada hakikatnya, kata kerja berimbuhan dalam kedua-dua bahasa mempunyai banyak makna. Namun, makna-makna yang cuba diutarakan di sini hanyalah secara ringkas yang kerap digunakan seperti perbincangan dalam kata kerja bahasa Arab yang lalu bertujuan menjadikan skop perbincangan lebih terfokus. Terdapat 4 bentuk imbuhan dalam kata kerja bahasa Melayu iaitu:

#### *Imbuhan Awalan*

Imbuhan awalan ialah imbuhan atau morfem terikat yang diletak di awal morfem dasar. Contohnya: morfem {me-} pada kata kerja [memasak]. Antara imbuhan awalan yang membentuk kata kerja dalam bahasa Melayu ialah: /me-/, /ber-/, /ter-/, /di-/, /memper-/ dan /diper-/.

1. **Awalan me-**, mempunyai 6 bentuk lain yang dipanggil alomorf iaitu: /me-/, seperti: [memasak]; /mem-/, seperti [memberi]; /men-/, seperti: [mendapat]; /meng-/, seperti: [menggapai]; /meny-/, seperti: [menyapu] dan /menge-/, seperti: [mengecat]. Imbuhan ini membawa banyak makna tetapi makna yang lazim digunakan ialah *melakukan sesuatu*.
2. **Awalan ber-**, mempunyai 3 bentuk alomorf iaitu: /be-/, seperti: [bekerja]; /bel-/, seperti: [belajar] dan /ber-/, seperti: [berjalan]. Imbuhan ini biasanya membawa makna *melakukan perbuatan* seperti contoh di atas, *perbuatan persalingan* seperti: [bertumbuk] dan [berkelahi] dan *refleksif* iaitu perbuatan yang melibatkan atau mengenai diri sendiri, contohnya: [bercukur] dan [berjemur].



3. **Awalan *ter-***, contohnya: [tersergam]. Ia lazimnya membawa makna *tak sengaja* bagi kedua-dua kata kerja aktif dan pasif, seperti: [termakan], [tersepak] dan [tertelan], dan *keadaan tersedia* seperti: [tersusun] dan [terhidang].
4. **Awalan *di-***, contohnya: [ditelan]. Ia tidak membawa makna khusus selain pembentuk kata kerja pasif untuk orang ketiga.
5. **Awalan *memper-***, ia terdiri dari dua morfem iaitu /mem/ dan /per/ (Abdullah Hassan, 2008). Dalam konteks ini, oleh kerana imbuhan /per-/ tidak boleh wujud dengan sendiri, maka ia perlu digabungkan dengan imbuhan /mem-/. Ia juga hanya mempunyai satu bentuk alomorf, contohnya: *mempercepat*. Imbuhan ini membawa maksud *menjadikan lebih atau bertambah*, contohnya: [memperbesar].
6. **Awalan *diper-***, seperti awalan /di-/, awalan /diper-/ juga merupakan awalan yang membentuk kata kerja pasif (Nik Safiah et al, 1994). Ia hanya wujud dalam satu bentuk sahaja, contohnya: [diperalat]. Imbuhan ini membawa makna *menjadikan lebih atau bertambah*, contohnya [dipercepat].

#### *Imbuhan Sisipan*

Imbuhan sisipan ialah imbuhan atau morfem terikat yang terdapat di tengah-tengah morfem dasar. Pada dasarnya tidak ada kata kerja dalam bahasa Melayu yang boleh diimbuhkan untuk membentuk kata kerja. Sebaliknya kata kerja berimbuhan boleh dibentuk melalui sisipan ini dengan menggunakan kata dasar yang berasal dari kata nama dan kata adjektif (Nik Safiah et al, 1994). Menurut Arbak Othman (1983) imbuhan sisipan ini tidak begitu aktif digunakan dalam bahasa Melayu. Hal ini bermaksud, ia jarang-jarang digunakan oleh penutur-penutur bahasa Melayu dalam pertuturan harian. Dalam bahasa Melayu terdapat tiga sisipan dalam kata kerja, iaitu: /-el-/, /-er-/ dan /-em-/. Antara contoh-contoh kata kerja yang mempunyai imbuhan ini ialah:

**Sisipan *-el-*:**      kelabut              daripada kabut  
                                  jelajah              daripada jajah  
                                  telingkah            daripada tingkah

**Sisipan *-er-*:**      kerelip              daripada kelip  
                                  kerusut              daripada kusut  
                                  ceranggah            daripada canggah

**Sisipan *-em-*:**      gemilang            daripada gilang  
                                  semerbak            daripada serbak  
                                  gemuruh daripada guruh

#### *Imbuhan Akhiran*

Imbuhan akhiran ialah morfem terikat yang wujud pada akhir kata kerja. Terdapat dua bentuk imbuhan akhiran dalam bahasa Melayu iaitu: /-kan/ dan /-i/.

1. **Akhiran *-kan***, menunjukkan objek perbuatan itu berpindah tempat, contohnya: Pengakap *menaikkan* bendera. Dalam ayat ini kata kerja ‘*menaikkan*’ telah dilakukan terhadap objeknya iaitu bendera. Akibat dari perbuatan ini bendera tersebut telah berubah tempat.
2. **Akhiran *-i***, berbeza dengan imbuhan /-kan/, imbuhan akhiran /-i/ tidak menunjukkan perubahan tempat pada objek, contohnya: Ailin *menaik* tangga. Dalam contoh ini objek ‘tangga’ tidak berubah tempat hasil dari kata kerja ‘*menaik*’ (Abdullah Hassan, 2008).

*Imbuhan Apitan*

Apitan ialah imbuhan yang hadir dengan cara mengapit kata dasar. Ia mestilah terdiri daripada dua imbuhan yang datang pada awal dan akhir kata kerja secara serentak. Imbuhan apitan juga disebut sebagai *imbuhan terbahagi* (Nik Safiah et al, 1994). Bentuk imbuhan apitan adalah yang paling banyak dalam bahasa Melayu. Terdapat 11 bentuk apitan yang membentuk kata kerja dalam bahasa Melayu iaitu: /men-...-kan/, seperti: [mendebarkan]; /ber-...-kan/, seperti: [berdasarkan]; /ber-...-an/, seperti: [berjauhan]; /di-...-kan/, seperti: [diibaratkan]; /men-...-i/, seperti: [mendapati]; /di-...-i/, seperti: [digilai]; /memper-...-kan/, seperti: [memperindahkan]; /memper-...-i/, seperti: [memperhalusi]; /ke-...-an/, seperti: [kecurian]; /diper-...-kan/, seperti: [diperhebatkan] dan /diper-...-i/, seperti: [dipersetujui].

1. **Apitan men-...-kan**, mempunyai enam bentuk lain yang dipanggil alomorf, iaitu: /me-...-kan/, contohnya: [meyakinkan]; /mem-...-kan/, contohnya: [memberikan]; /men-...-kan/, seperti: [mendatangkan]; /meng-...-kan/, contohnya: [menghapuskan]; /meny-...-kan/, contohnya: [menyerahkan]; /meng-...-kan/, contohnya: [mengeringkan]. Apitan ini membawa maksud *membuat sesuatu*, contohnya: [merancangkan] dan *kausatif atau menyebabkan*, contohnya: [memalukan].
2. **Apitan ber-...-kan**, contohnya: [beralaskan]. Apabila kata dasar sesuatu perkataan bermula dengan konsonen /r/, maka ia akan bergabung menjadi satu, contohnya: 'raja' menjadi 'berajakan'. Ia membawa makna *menjadikan sesuatu*, contohnya: *berpandukan* cahaya bulan, iaitu menjadikan cahaya bulan sebagai panduan.
3. **Apitan ber-...-an**, contohnya: [bertaburan]. Apabila kata dasar sesuatu perkataan bermula dengan konsonen /r/, maka ia akan bergabung menjadi satu, contohnya: 'ratap' menjadi 'beratapan'. Apitan ini biasanya membawa maksud *jumlah subjek yang banyak*, contohnya: [bertaburan], *perbuatan bersalingan*, contohnya: [bersalaman] dan *perbuatan yang berulang*, contohnya: [berguguran] dan [berkibar].
4. **Apitan di-...-kan**, seperti: [digambarkan]. Ia membawa maksud seperti apitan /men-...-kan/ iaitu: *membuat sesuatu* dan *menyebabkan* dalam bentuk pasif.
5. **Apitan men-...-i**, apitan ini mempunyai 6 bentuk alomorf iaitu: /me-...-i/, seperti: [melewati]; /men-...-i/, seperti: [membohongi]; /men-...-i/, seperti: [menziarahi]; /meny-...-i/, seperti: [menyakiti]; /meng-...-i/, seperti: [mengekori] dan /menge-...-i/, seperti: [mengebomi]. Apitan ini membawa maksud *pentransitifan*, contohnya: [menghidangi].
6. **Apitan di-...-i**, apitan ini berperanan membentuk kata kerja pasif, contohnya: [dipelopori] dan [dikotori].
7. **Apitan memper-...-kan**, membawa dua makna, pertama: menunjukkan makna sebab, contohnya: Mempertemukan dua sahabat yang telah lama berpisah, kedua: menunjukkan makna menyebabkan orang lain melakukan sesuatu, contohnya: Rokiah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran (Abdullah Hassan, 2008).
8. **Apitan memper-...-i**, contohnya: [memperakui], [memperingati] dan [mempersetujui]. Hanya terdapat sebilangan kecil kata kerja yang digabungkan dengan imbuhan kerana ia tidak produktif dan jarang digunakan.
9. **Apitan ke-...-an**, contohnya: [kecurian], [kelihatan] dan [kedapatan]. Apitan ini membentuk kata kerja dalam ayat pasif dan membentuk makna kata kerja pasif iaitu subjek dasar mengalami perbuatan kata dasar seperti contoh di atas.
10. **Apitan diper-...-kan**, contohnya: [diperisterikan], [diperdengarkan] dan [dipertunjukkan]. Kata kerja yang terbentuk dengan apitan ini wujud dalam ayat pasif, iaitu ayat yang menjudulkan objek asal. Ia membawa maksud *terjadi atau disebabkan*, contohnya: [dipersatukan] (dijadikan bersatu).

11. **Apitan diper-...-i**, contohnya: [diperingati], [diperisteri], [dipersetujui] dan [diperbaiki]. Apitan ini tidak produktif dan hanya terdapat sebilangan kata kerja sahaja yang digabungkan dengan imbuhan ini.

Hasil dari perbincangan di atas, disenaraikan di bawah perbezaan yang terdapat di antara kata kerja berimbuhan dan bahasa Arab dan Melayu secara terperinci.

Imbuhan di dalam bahasa Arab dari segi bentuk penambahan terdapat enam jenis iaitu; (اللواحق) (الحشو), (السوابق), (اللواحق) (الحشو), (السوابق واللواحق) dan (السوابق والحشو واللواحق), sedangkan di dalam bahasa Melayu hanya terdapat empat jenis imbuhan iaitu: imbuhan awalan, imbuhan sisipan, akhiran dan apitan.

Dalam bahasa Arab, jumlah huruf imbuhan yang membentuk morfem boleh terdiri dari satu, dua atau tiga huruf sahaja. Sedangkan di dalam bahasa Melayu setiap morfem boleh terdiri dari satu, dua, tiga, empat atau lima huruf. Contohnya perkataan *أُظِّلَقَ* imbuhan hanya terdiri dari satu huruf sahaja iaitu (أ), *انْطَلَقَ* terdiri dari dua huruf iaitu (ا, ط), *استغفر* terdiri dari tiga huruf iaitu (ا, س, ت). Bagi bahasa Melayu pula, contohnya kata kerja [baiki] imbuhan terdiri dari satu huruf iaitu 'i', kata kerja [memakan] imbuhan terdiri dari dua huruf iaitu 'm' dan 'e'. Kata kerja [memberi] imbuhan terdiri dari tiga huruf iaitu 'm', 'e' dan 'm'. Kata kerja [menggaru] imbuhan terdiri dari empat huruf iaitu 'm', 'e', 'n' dan 'g', sementara kata kerja [mengebom] imbuhan terdiri dari lima huruf iaitu 'm', 'e', 'n', 'g' dan 'e'.

Dari segi maksud sesuatu penambahan, jelas sekali maknanya dalam bahasa Arab lebih kompleks dan banyak pecahannya. Dapatan menunjukkan bahawa terjemahan sesuatu pola ke dalam bahasa Melayu tidak memadai dengan satu kata kerja bahasa Melayu untuk membawa makna sebenar yang dibawa oleh imbuhan bahasa Arab itu. Sebaliknya ia memerlukan kepada perkataan lain bagi menyampaikan maksud yang dikehendaki. Contohnya dalam ayat *كسرت عظامه* diterjemahkan sebagai 'saya telah mematahkan tulangnya berulang kali'. Terjemahan 'mematahkan' masih tidak dapat memberikan maksud sebenar dari kata kerja *كسرت*, sebaliknya ia memerlukan kepada perkataan 'berulang kali' bagi menunjukkan makna sebenar bagi pola *فَعَّلَ*.

Bentuk pengimbuhan di dalam bahasa Arab bergantung kepada pola-pola tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh sarjana bahasa, sementara pengimbuhan di dalam bahasa Melayu tidak memiliki ciri ini. Bahasa Melayu tidak menggariskan pola-pola khusus yang boleh dijadikan panduan dalam membentuk kata kerja berimbuhan. Dalam bahasa Arab pola yang berasaskan kepada huruf *فَعَّلَ* dijadikan rujukan utama dalam pembentukan kata kerja berimbuhan.

Dalam bahasa Arab, imbuhan sisipan (*الحشو*) begitu aktif digunakan dalam membentuk kata kerja berimbuhan. Malah kaedah pengimbuhan ini dipelbagaikan dalam bentuk gandaan huruf dan tidak terhad kepada huruf-huruf imbuhan khusus sahaja, contohnya *فَعَّلَ*. Manakala dalam bahasa Melayu imbuhan ini tidak begitu produktif. Tidak ada kata dasar daripada kata kerja yang boleh diimbuhkan menggunakan sisipan. Sebaliknya kata kerja berimbuhan yang menggunakan imbuhan ini adalah kata dasar daripada kata nama: contohnya: [kelabut] dari kata nama kabut, [serabut] dari kata nama sabut dan [gemilang] dari kata nama gilang.

Dalam bahasa Arab, varian atau kepelbagaian bentuk imbuhan kurang dibincangkan berbanding bahasa Melayu. Hal ini kerana bentuk-bentuk ini kurang berlaku dalam bahasa Arab kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu, seperti huruf *ت* pada kata kerja *اصطبر*, asal perkataannya ialah huruf *ت* bertukar menjadi *ط* kerana bertemu dengan huruf *ص* sebelumnya. Perubahan ini bertujuan memudahkan sebutan kerana kedua-dua huruf *ص* dan *ط* terbit dari tempat keluar huruf atau *makhraj* yang hampir sama iaitu bahagian tengah rongga mulut, sedangkan huruf *ت* keluar dari bahagian depan mulut. Manakala dalam bahasa Melayu kepelbagaian ini memang dibincangkan secara meluas, kerana ia kerap berlaku dan digunakan dengan meluas, contohnya varian bentuk pada imbuhan /meN-/ sahaja terdapat enam bentuk iaitu /me-/ , /men-/ , /men/ , /meng-/ , /meny-/ dan /menge-/.

Dalam bahasa Arab, perbincangan berkaitan makna pasif dan aktif (*المبني للمعلوم والمجهول*) tidak dibincangkan bersama makna-makna yang lain dalam tajuk kata kerja berimbuhan ini walaupun kata kerja aktif dan pasif ini pada dasarnya juga menerima imbuhan. Hal ini kerana dalam bahasa Arab sudah terdapat pola-pola tertentu yang boleh dikisahkan

secara langsung kepada kata kerja biasa. Selain daripada itu dalam bahasa Arab sudah terdapat subtajuk khusus yang membincangkan aspek aktif dan pasif ini secara berasingan. Sedangkan dalam bahasa Melayu ia dibincangkan secara bersama dengan makna-makna lain dalam tajuk kata kerja berimbuhan. Hal ini kerana kata kerja aktif dan pasif dalam bahasa Melayu agak meluas digunakan dan ia boleh dibentuk oleh banyak jenis imbuhan.

Dalam bahasa Arab, maksud transitif boleh menerbitkan sehingga tiga objek, iaitu dengan menambah imbuhan awalan *hamzah* (ء) kepada kata dasar yang sedia memerlukan dua objek. Manakala dalam bahasa Melayu transitif hanya mampu menerbitkan dua objek sahaja iaitu dengan mengimbuahkan apitan /men-...-kan/ atau /mem-...-kan/ kepada kata dasar yang sedia memerlukan satu objek.

Dalam bahasa Arab kebanyakan pembentukan kata kerja transitif adalah berasal dari kata dasar bagi kata kerja. Manakala dalam bahasa Melayu pembentukan kata kerja transitif ini agak produktif berasal dari kata dasar bagi kata nama, kata adjektif dan kata tugas.

Dalam bahasa Arab, imbuhan *al-sawabiq* dan *al-lawahiq* tidak dapat berfungsi mengubah kata adjektif menjadi kata kerja. Sementara dalam bahasa Melayu, imbuhan berkenaan merupakan bentuk imbuhan yang banyak digunakan, contohnya: [terbaru] dan [bukukan].

Dalam bahasa Arab, tidak terdapat satu bentuk imbuhan gabungan yang menunjukkan berbagai-bagai makna, seperti makna *المطوعة*, *التكثير* dan *المشاركة*. Sementara dalam bahasa Melayu, makna-makna tersebut didukung oleh bentuk imbuhan gabungan (apitan) /ber-...-an/.

Terdapat makna imbuhan dalam bahasa Arab akan tetapi tidak terdapat persamaannya dalam bahasa Melayu dan sebaliknya. Antara contoh imbuhan yang terdapat dalam bahasa Arab dan tidak terdapat dalam bahasa Melayu ialah *الطالبة* dan *الطلب*. Sementara makna yang hanya terdapat dalam bahasa Melayu ialah *benefaktif* dan *jumlah subjek yang bertambah*.

## 5. Kesimpulan

pengetahuan yang mendalam dalam membezakan di antara pengimbuhan dalam kata kerja bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah amat penting. Hal ini kerana, sebagai bukan penutur jati bahasa Arab, kesalahan pemahaman dalam imbuhan bahasa Arab sering berlaku akibat dari pengaruh bahasa Melayu yang kadang-kala berbeza atau bertentangan dengan imbuhan bahasa pertama kita. Pengaruh ini sering kali menyebabkan pelajar kita tidak dapat memahami dengan tepat maksud sesuatu perkataan yang telah diimbuhi walaupun memahami maksud kata dasarnya.

Justeru, pembelajaran tajuk kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab tidak wajar bergantung sepenuhnya kepada kaedah melihat aspek persamaan dengan bahasa Melayu semata-mata. Sebaliknya, pelajar perlu juga mengetahui ciri-ciri khusus di dalam kata kerja berimbuhan bahasa Arab yang berbeza dengan bahasa Melayu.

## Rujukan

- Abdullah Hasan. (1983). *Rencana linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Khuwaiki, Zain Kamil. (1985). *al-Zawaid fi al-Sia' fi al-lughah al-Arabiyyah fi al-af'al*. Jilid 2. Iskandariah: Dar al-Ma'rifah al-Jami'yyah.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan ilmu linguistik*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Azhari Muhamed Ali. (2000). *Morfem-Morfem Dalam Kata Kerja Bahasa Arab: Ciri-Ciri dan Makna Leksikalnya*. Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azman Che Mat, Ghani Ismail & Ahmad Nazuki@MARzuki Yaakub. (2009). *Analisis Terjemahan Melayu Arab Sebagai Strategi Pembelajaran: Satu Kajian Rintis*. Laporan Penyelidikan. Dungun: UITM Kampus Terengganu
- Azman Che Mat, Ghani Ismail & Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub. (2010). *Analisis Kesalahan Terjemahan Melayu Arab Sebagai Strategi Pembelajaran*. Laporan Penyelidikan. Dungun: UITM Kampus Terengganu.
- Baharuddin Shahman. (2012). *Analisis Kontrastis struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Faridah Rahman. 1998. *Al-Ziyadah (Pengimbuhan) Dalam Kata Kerja Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu: Suatu Analisis Bezaan*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010). Sifat Klitik dan Sifat Morfem dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 11: 1-10.
- Ghallyini, Mustafa. (1987). *Jami' al-durus al-arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Henry Guntur Tarigan. (1988). *Pengajaran Pemerolehan Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Ibn Asfour. (1979). *Al-Mumtia' Fi Ilm al-Tasrif*. Disemak oleh, Fahkru al-Din Qabawah. Jilid 1. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Aqil, Biha al-Din Abdullah. (1998). *Sarh Ibn Aqil 'Ala Alfiyah Ibn Malik*. Disemak oleh, Al-Nadiri, Muhammad As'ad. Jilid. 2. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyyah.
- Ibn Nazim, Abu Abdallah Badr Addin. (2000). *Sarh Ibn Nazim 'Ala Alfiyah Ibn Malik*. Disemak oleh, Muhammad Basel 'Uyun al-Suud. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibtisam Abdullah, Zaharani Ahmad, Imran Ho Abdullah, Zamri Ahmad & Ahmad Thalal Hassan. (2011). *Perantauan Bangsa Arab Ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu*. Kertas kerja dibentangkan dalam Merantau: Imagining Migration In The Malay World, International Seminar in Honour of Prof. E. U. Kratz, Geothe-University of Frankfurt, 30-31 March, 2011.
- Imil Ya'qub. (1986). *Qamus al-mustalahat al-lughawiyyah wa al-adabiyyah*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malain.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Produktiviti Imbuhan Apitan Ke ... An dan Pen ... An: Pendekatan Linguistik Korpus. *Jurnal Linguistik* 12: 1-10.
- Imran Jafar. (2000). *12 langkah menuju daya ingatan lebih baik*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Golden Book Centre.
- Muhamad Fahmi Abd Jalil. (2012). *Penguasaan Pelajar STAM Terhadap Imbuhan Kata Bahasa Arab*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Mohd. Yunus Sharum & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). *Kata Ganda Berima/Berentak Bahasa Melayu: Analisis Morfologi*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan bahasa Melayu Ke-6, 5-6 Oktober 2010. UPM, Serdang.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed. (2012). *Penguasaan Asas Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPISMP GSTT-PAI: Satu Kajian Kes*. Sabah: Institusi Pendidikan Kampus Pendidikan Islam.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian bahasa untuk pelatih maktab perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Udhaimah, Muhammad Abdul Khaliq. (1999). *Al-Mughni Fi Tasrif al-Afal*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ummi Syarah Ismail, (2004). *Masdar Thulahi Mazid: Aspek Pola dan Semantik*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Wan Moharani Mohammad. (2003). *Subjek dan predikat: satu kajian bandingan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.